



**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PENUTUPAN TEROWONG GENTING SEMPAH HALA TIMUR**

**Karak, 10 Jun 2016** – ANIH Berhad ingin memaklumkan bahawa Terowong Genting Sempah hala Timur akan ditutup kepada lalu lintas bermula jam 8 pagi, 13 Jun hingga 12 tengah malam, 17 Jun 2016. Penutupan ini adalah bagi memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemberian jalan di dalam terowong.

Susulan itu, ANIH Berhad mengambil langkah alternatif dengan mengaktifkan satu laluan kontra di Terowong Genting Sempah hala Barat bagi memudahkan pengguna lebuh raya menuju ke destinasi Pantai Timur.

Pihak ANIH Berhad terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama dari semua pengguna lebuh raya.

Pengguna Lebuhraya Pantai Timur (LPT) disarankan mengikuti laman rasmi sosial media LPT iaitu Facebook Lebuhraya Pantai Timur dan laman Twitter @LPTTrafik atau menghubungi talian LPT-Line di 09-547 9111 bagi mengetahui sebarang perkembangan terkini di LPT.

Segala kesulitan amat dikesali.

-Tamat-

## **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sepanjang 240km. Bermula dari Gombak di Lembah Klang hingga Jabor di Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat  
[fazlyaton.hussein@alloymtd.com](mailto:fazlyaton.hussein@alloymtd.com)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden, Komunikasi Korporat  
[farizal.hajat@alloymtd.com](mailto:farizal.hajat@alloymtd.com)
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat  
[sofia.roseli@alloymtd.com](mailto:sofia.roseli@alloymtd.com)

### **Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**

#### **Jabatan Komunikasi AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6188 0101    Website : [www.alloymtd.com](http://www.alloymtd.com)